

Headline	Peruntukan sistem kesihatan di penjara perlu dikaji semula		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	06 Jun 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	16	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 613
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,839



# Peruntukan sistem kesihatan di penjara perlu dikaji semula

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kesihatan (MOH) perlu mengkaji semula peruntukan sistem kesihatan di penjara, termasuk mengadakan semula perkhidmatan penjagaan kesihatan dalaman di penjara.

Mencadangkan demikian, Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya Prof Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, walaupun kementerian itu telah meminjamkan pegawai-pegawai perubatan ke semua penjara utama dalam negara, masih banyak ruang yang boleh ditambah baik terutama dalam soal mendapatkan ubat dan kelengkapan diagnosis seperti mesin x-ray.

“Dalam soal mendapatkan ubat, kepakaran terletak pada MOH untuk membeli dadah ubatan bagi rawatan HIV, TB, ketagihan dadah,

di samping latihan doktor perubatan yang diadakan bagi membiasakan mereka dengan isu-isu berkaitan kesihatan mental dan penyakit berjangkit.

“Lebih penting ialah sistem kesihatan penjara yang lebih ‘dedicated’ atau saluran kerjaya berkaitan perlu diwujudkan agar doktor yang bertugas di penjara tahu bahawa ada masa depan buat mereka dan mereka menaruh minat mendalam dan komitmen terhadap isu berkaitan,” katanya kepada pemberita selepas selesai sesi pertama sidang meja bulat mengenai ‘HIV dan Jangkitan Berkaitan di Penjara’ di sini semalam.

Mesyuarat sehari anjuran Universiti Malaya dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) itu,

bertujuan meninjau pelbagai kemungkinan bagi menambah baik akses perkhidmatan kesihatan bagi mereka yang menggunakan dadah ubatan pada tiga tempoh ketara iaitu prapengurangan, pengurangan dan sejurus selepas pengurangan.

Dr Adeeba seterusnya berkata meremehkan peruntukan sistem kesihatan penjara akan membawa kepada gangguan rawatan untuk banduan, yang akan menjejaskan kesihatan mereka bila keluar dari penjara.

Beliau juga berkata ketika terdapat kekurangan kepakaran dalam kalangan pegawai perubatan dalam sistem kesihatan penjara, beliau bersetuju bahawa secara idealnya, kesihatan penjara wajar menjadi satu lagi salu-

ran kerjaya untuk pegawai perubatan.

Dekan itu juga menegaskan apa yang lebih penting ialah mengurangkan jumlah orang di penjara kerana sebahagian besar daripada mereka sebenarnya tidak perlu berada di situ.

Menurut beliau, antara 40-60 peratus banduan di Malaysia berada di penjara kerana memiliki dadah untuk kegunaan sendiri dan bukan kerana jenayah ganas atau mengedar dadah, dan menegaskan memasukkan mereka ke penjara bukan jawapannya.

“Kita membebaskan sistem penjagaan kesihatan dan sistem penjara. Selain tidak kos efektif, meletakkan begitu ramai orang dalam penjara lebih banyak mendatangkan keburukan,” kata beliau. — Bernama